

Berita Minggu

AHAD, 15 OKTOBER 2017 (24 MUHARAM 1439)

IKUTI KAMI DI



Berita Harian
Singapore



@BeritaHarianSG



20

Alumni NTU diberi kredit jalani kursus peningkatan kemahiran

► NUR DHUHA ESOOF

nurdhuha@sph.com.sg

MULAI bulan depan kesemua 222,000 alumni Universiti Teknologi Nanyang (NTU) akan menerima setiap seorang kredit kursus peningkatan kemahiran bernilai \$1,600.

Alumni NTU boleh menggunakan kredit itu untuk membiayai lebih 120 kursus berasaskan kemahiran yang ditawarkan universiti itu.

Demikian diumumkan Presiden NTU, Profesor Bertil Andersson, di acara buat alumni universiti itu semalam.

Hadir sebagai tetamu terhormat di acara itu ialah Menteri Sekitaran dan Sumber Air, Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad.

Antara kursus yang ditawarkan meliputi bidang pengajian yang luas daripada kewangan perniagaan dan kemahiran kepimpinan ke desain grafik dan kejuruteraan.

Ini termasuk kursus yang sejajar dengan trend industri terkini seperti analitik data, perkomputeran awan, bahan nano dan imunologi.

"Pembelajaran sepanjang hayat adalah kritikal bagi masa depan masyarakat Sin-

gapura dalam ekonomi global dan dinamik.

"Mana-mana individu berkemungkinan besar pada masa akan datang akan mengubah profil kecenderungannya supaya kekal kebolehan bekerja.

"Inisiatif baru NTU akan melengkapi alumni kami dengan kemahiran relevan kepada industri terkini supaya mereka dapat kekal berdaya saing di peringkat global dan maju dalam kerjaya pilihan mereka," kata Profesor Andersson.

Lebih 5,000 tempat akan ditawarkan setiap tahun akademik dan alumni boleh menghadiri sehingga dua kursus setahun.

Alumni akan diberi pilihan daripada 63 kursus pendek yang berlangsung selama sehari hingga seminggu, atau 55 kursus sepanjang semester yang berlangsung selama 13 hingga 15 minggu.

Selain itu, lapan kursus possiswazah sepanjang semester akan disediakan buat mereka yang berminat dalam mata pelajaran lanjutan.

Beberapa kursus ini akan disampaikan melalui pedagogi 'bilik darjah terbalik' (flipped classroom) di mana pelajar belajar menerusi pengajian yang dilakar khas dalam talian sebelum ke kelas bagi pembelajaran berasaskan masalah.

Ini memberi manfaat kepada golongan yang bekerja kerana ia mengurangkan masa yang diperlukan buat mereka berada di kampus.

Di acara semalam yang dihadiri 1,500 alumni dan tetamu, Encik Masagos telah menyampaikan Anugerah Alumni Nanyang kepada 37 anggota alumni demi mengiktikaf pencapaian dan sumbangan mereka kepada masyarakat.

Empat jenis anugerah disampaikan iaitu Anugerah Alumni Unggul Nanyang, Anugerah Pencapaian Alumni Nanyang, Anugerah Cemerlang Alumni Muda Nanyang, dan Anugerah Khidmat Alumni Nanyang.

Salah seorang yang naik pentas menerima Anugerah Cemerlang Alumni Muda Nanyang ialah Dr Nuraliah Norasid, 31 tahun.

Beliau diiktiraf atas sumbangannya terhadap kesusasteraan.

Antara lain, karyanya telah merangkul pelbagai anugerah termasuk Hadiah Cereka Epigram Books bernilai \$25,000 bagi novel sulungnya 'The Gatekeeper'.

**Bakti alumni NTU kepada persada
sastera diiktiraf**

- Muka 4